

**PEMBANGUNAN ITEM BAGI KESEJAHTERAAN SPIRITUAL ISLAM
SEBAGAI MEDIATOR TERHADAP HUBUNGAN KECENDERUNGAN
PENGAMBILAN RISIKO DAN TEKAD KEUSAHAWANAN DALAM
KALANGAN GRADUAN USAHAWAN DI MALAYSIA**

***ITEM DEVELOPMENT FOR ISLAMIC SPIRITUAL WELL-BEING AS A
MEDIATOR ON THE RELATIONSHIP BETWEEN RISK-TAKING
PROPENSITY AND ENTREPRENEURIAL INTENTION AMONG
GRADUATE ENTREPRENEURS IN MALAYSIA***

Raja Suzana Raja Kasim ^{1,a*} and Nurul Azreen Salleh ^{2,b}

¹Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, Malaysia

^arajasuzana@umk.edu.my

^bazreensalleh95@gmail.com

*Corresponding Author: rajasuzana@umk.edu.my

Abstrak: *Kertas ini menganalisis tinjauan literatur bagi membangunkan item soal-selidik dan kesahan instrumen kesejahteraan spiritual Islam (KSI) sebagai mediator dalam hubungan dengan tahap kecenderungan pengambilan risiko dan tekad keusahawanan. Ini adalah berikutan dari analisis kajian pengesanan usahawan graduan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2022) yang melaporkan tahap kecenderungan pengambilan risiko dalam kalangan graduan masih di tahap rendah dan tekad keusahawanan menunjukkan trend yang menurun. Keputusan ini seringkali dikaitkan mempengaruhi faktor-faktor kegagalan perniagaan dalam kalangan graduan baharu. Kajian yang mengintegrasikan pendekatan agama Imam Al-Ghazali dalam konteks kontemporari kurang diberi tumpuan. Oleh yang demikian, kajian ini dipanjangkan kepada graduan usahawan bagi mengukur kesahan dan kebolehpercayaan item KSI, Tekad Keusahawanan Ajzen (1991), dan Kecenderungan dalam Pengambilan Risiko (Meertens & Lions, 2008) secara bersepadu. Teknik Delphi dengan Modifikasi Tiga Pusingan dilihat konsisten dengan dapatan dan sorotan literatur yang lepas di mana bilangan pusingan adalah fleksibel dan mendapat 'consensus' selepas pusingan ketiga. Item-item yang disenaraikan diletak sebagai sangat diperlukan bila mana skor median melebihi nilai 5.50 dan diperlukan dengan skor median berada antara 3.50 dan 5.49. Panel-panel pakar memberi 'consensus' tinggi terhadap sub-konstruk tahap keimanan, ilmu pengetahuan, ibadah dan akhlak. Oleh itu, KSI mendatangkan perasaan aman, tenang dan bahagia dalam menangani cabaran usahawan baharu. Situasi ini boleh diaplikasikan semasa mencari ilmu dan kemahiran, (seperti ilmu pengurusan kewangan); dan akhlak yang mulia (seperti menjauhi amalan pengurusan kewangan yang tidak baik). Konsep-konsep ini dapat memberikan motivasi, ketabahan, dan ketenangan dalam menghadapi tekanan dan cabaran perniagaan. Kesepaduan perspektif agama Islam merupakan inovasi penemuan baharu melalui model Al-Ghazali dan pandangan barat melalui Teori Tingkahlaku Berencana dan Model Kecenderungan Pengambilan Risiko yang kurang dikaji telah dilaksanakan dalam kajian ini.*

Kata Kunci: tekad keusahawanan, kesejahteraan spiritual Islam, pengambilan risiko, graduan usahawan, Malaysia

Abstract *This paper examines the literature review to develop questionnaire items and the validity of the Islamic spiritual well-being instrument (KSI) as a mediator between risk-taking propensity and entrepreneurial intention. According to the analysis of the Tracer Study among graduate entrepreneurs by the Ministry of Higher Education Malaysia in 2022, the level of risk-taking propensity among graduates remains low, and entrepreneurial intention exhibits a declining trend. This decision is frequently associated with affecting business failure factors among graduates. In this paper, Imam Al-religious Ghazali's approach is integrated with Ajzen's Entrepreneurial Intention (1991) and Risk-Taking Propensity (Meertens & Lions, 2008) to measure the validity and reliability of KSI items. The Delphi technique with a Three-Round Modification was consistent with the findings and highlights of previous literature, where 'consensus' is reached following the third round. The expert panels reached a high consensus regarding the subconcepts of faith, knowledge, worship, and morals. Consequently, KSI provides a sense of serenity and happiness when new entrepreneurs face challenges. This circumstance is applicable when seeking knowledge and skills (such as financial management knowledge) and virtuous morals (such as avoiding bad financial management practices). These ideas can provide inspiration, tenacity, and composure in the face of pressure and business obstacles. In this paper, the integration of the Islamic religious perspective is a discovery innovation through the Al-Ghazali model, and the Western view through the Theory of Planned Behavior and the Risk-Taking Propensity Model.*

Keywords: entrepreneurial Intention, Islamic spiritual well-being, risk taking, graduate entrepreneurs, Malaysia

1. Pengenalan

Kepercayaan keagamaan melibatkan elemen pembangunan kesejahteraan spiritual seseorang. Seseorang usahawan seringkali dilihat tidak berani mengambil risiko dalam memulakan perniagaan kerana tidak bersedia dan kekuatan spiritual berada di tahap rendah.

Pembangunan dan pengurusan keusahawanan yang berjaya mempunyai perkaitan rapat dengan kesejahteraan diri individu, dan pembangunan modal insan (Mohamad, et al., 2019). Ini berikutan untuk menjadi usahawan, individu perlu mempersiapkan diri dengan Tekad keusahawanan (TK) yang tinggi (Basri & Rahim, 2019), bersedia mengambil risiko (Hisam & Othman, 2018; Tengku Abdullah & Mohd Shariff, 2020) dan mempunyai kepercayaan keagamaan yang seimbang agar dapat menjadi sumber kekuatan dalam menangani cabaran perniagaan (Sani, et al., 2019).

Tahap kecenderungan dalam pengambilan risiko (PR) dalam kalangan graduan usahawan (GU) masih di tahap rendah dan TK menunjukkan trend yang menurun jika dilihat dari analisis kajian pengesanan usahawan graduan seperti yang dilaporkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2022) yang juga sealiran dengan dapatan data GEM (2017) dan beberapa kajian lepas (Salleh & Kasim 2021; Mohamad et al., 2019; Hisam & Othman, 2018).

Apabila tekad untuk menceburi keusahawanan dalam kalangan GU semakin menurun, ini secara tidak langsung menggambarkan perasaan bimbang, dan takut untuk menerima risiko

kegagalan dalam perniagaan (Hisam & Othman, 2018). Jika kecenderungan untuk menerima risiko kegagalan dalam perniagaan adalah rendah, maka boleh diandaikan tahap kesejahteraan diri seseorang GU juga rendah, Sani et al., (2019). Akibatnya, seseorang usahawan akan menemui kegagalan dan ini dibuktikan dalam beberapa kajian lepas bahawa kegagalan GU adalah berpunca dari tidak mempunyai sikap, motivasi, ketabahan, dan ketenangan dalam menghadapi tekanan dan cabaran dalam perniagaan (Jung et al., 2020).

2. Sorotan Literatur

Terdapat tiga pemboleh ubah utama yang dikaji iaitu, pertama, kesejahteraan spiritual Islam (KSI). Menurut al-Ghazali (1982), al-Ghazali (2017a; 2017b); dan al-Ghazali (2015). KSI adalah asas kepada pembangunan insan yang merangkumi aspek pengetahuan agama, akidah, ibadah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak dan budi pekerti dan pembangunan jiwa dan hati. Dalam konteks kertas ini, definisi KSI seperti dalam model al-Ghazali ini akan menghayati pembangunan jiwa dan hati berikutan seseorang individu yang mempunyai sifat dan akhlak mulia adalah hasil daripada dalamannya (spiritual) yang sejahtera (Kasim & Salleh, 2023; Ab. Rahim, 2019; Salleh & Kasim, 2021). Pemboleh ubah KSI sebagai mediator akan ditinjau untuk menilai jika kajian-kajian lepas memberikan pengaruh hubungan yang positif atau sebaliknya dengan tahap kecenderungan PR dan TK. Kedua, pemboleh ubah TK diukur dari sudut sikap, norma subjektif dan jangkaan kawalan tingkahlaku GU yang menjadi subjek dalam kajian ini. Sementara tahap kecenderungan PR pula mengkaji faktor-faktor yang mempamerkan GU sebagai pengambil risiko atau pengelak risiko.

Menurut Maheshwari et al., (2022) semakin baik seseorang individu itu menunjukkan sikap terhadap sesuatu tingkahlaku, maka semakin tinggi tindakan seseorang itu untuk meneruskan niat atau TK. Oleh itu, individu akan mempamerkan tahap keinginan yang tinggi untuk melakukan sesuatu. Ini sealiran dengan kajian oleh Mohd Asri dan Ahmad (2012) bahawa sikap yang mendorong seseorang itu untuk bertindak adalah dengan menceburi keusahawanan dan perniagaan. Mohd Asri dan Ahmad (2012) juga merumuskan sikap mempunyai hubungan dengan TK dalam kalangan GU. Sikap ini pada dasarnya merujuk kepada minat responden terhadap kerja dan pandangan hidup masa depan, penguasaan kemahiran asas yang terkini meliputi kemahiran, kebolehan berfikir secara kreatif dan kritis, disiplin diri, pengetahuan am, pendedahan kepada latihan dan bimbingan kerjaya.

Kebanyakan kajian yang dijalankan dilihat meninjau dari sudut lahiriah dan mengejar peradaban dunia perniagaan yang berbentuk material (Jalaludin & Mohamad, 2019; Ghazali & Razak, 2019). Terdapat kajian-kajian yang mengaitkan faktor-faktor keagamaan untuk kesejahteraan dan pembangunan diri individu (Salleh & Kasim 2021; Ab. Rahim, 2019; Abdullah, 2019). KSI yang tinggi dapat membantu GU untuk beradaptasi dengan perubahan dan daya saing dalam pasaran yang kompetitif. KSI juga dapat membantu meningkatkan minat menjadi usahawan dengan membentuk keyakinan, motivasi, dan etika yang baik dalam diri seorang usahawan Muslim terutama dalam menangani cabaran dan risiko dalam keusahawanan (al-Ghazali, 2017a; dan al-Ghazali, 2017b).

Tujuan kertas ini adalah untuk membangunkan item soal-selidik dan kesahan instrumen kesejahteraan spiritual Islam (KSI) sebagai mediator dalam hubungan dengan tahap kecenderungan pengambilan risiko dan tekad keusahawanan. Sebelum menganalisis item-item

yang dibangunkan oleh kajian ini, methodologi kajian akan dibincangkan dalam bahagian berikut.

3. Metodologi

Teknik Delphi Kaedah Modifikasi Tiga Pusingan digunakan untuk mendapatkan kesahan kandungan Soal Selidik Kesejahteraan Spiritual Islam dan Keusahawan (KSIK). Teknik Delphi memastikan tahap persetujuan sesuatu isu atau permasalahan telah diperbahaskan dan mendapat persetujuan sebulat suara atau ‘consensus’ (Stewart, O’Halloran, Harrigan, Spencer et al., 1999). Dalam waktu yang sama, sekumpulan panel pakar dijemput untuk mengenalpasti, memberi klarifikasi, mengolah semula dan akhirnya memberi persetujuan secara saksama dan sebulat suara (consensus) mengenai isu-isu dan permasalahan yang dikenalpasti dalam kajian dalam jangka waktu tertentu.

Prosidur Teknik Delphi dengan Modifikasi Tiga Pusingan ini dilaksanakan dalam beberapa siri semasa soal selidik dibangunkan dan dipetik dari kajian-kajian yang lepas dan juga dari dapatan literatur (Woodcock, Adeleke, Goeschel, Pronovost dan Dixon-Woods, 2020; Dalkey, 1972). Dalam kajian tinggi, pengkaji melaksanakan Teknik Delphi Kaedah Modifikasi Tiga Pusingan berdasarkan cadangan Green, Jones, Hughes dan Williams (1999) berikutan perbezaan antara pusingan kedua dan ketiga dilihat sebagai tidak begitu ketara.

Teknik Delphi dengan Modifikasi Tiga Pusingan dilihat konsisten dengan dapatan dan sorotan iteratur yang lepas di mana bilangan pusingan adalah fleksibel dan seringkali mendapat ‘consensus’ selepas pusingan ketiga. Mengikut saranan Linstone dan Turoff (1975), bilangan panel pakar yang ideal adalah antara 5 ke 10 orang. Oleh itu, untuk menguji kesahan item dalam soal selidik bagi kajian ini, KSIK dinilai oleh 10 orang selaras dengan cadangan Linstone dan Turoff (1975).

4. Perbincangan

Selepas soal selidik dikembalikan, data dianalisis dan diringkaskan dalam bentuk kekerapan, median, kuartil, interkuartil dan sisihan interkuartil. KSIK dianalisis untuk memastikan KSI, TK dan tahap PR dalam kalangan graduan dapat diukur dan dibangunkan dengan skala. Item-item yang disenaraikan dalam kajian ini disusun mengikut turutan dari skor median tertinggi dan skor sisihan kuartile (QD) terkecil. Skor sisihan kuartile (QD) yang memberi nilai terkecil iaitu kurang dari 1.00 adalah dianggap sebagai item yang mencapai consensus yang tinggi. Sementara itu skor sisihan kuartile (QD) bagi item-item yang berada pada tahap lebih dari 1.00 adalah dianggap sebagai tidak mendapat consensus. Pengukuran ini diambil dari kajian oleh Hsu dan Sandord (2007) dan Wiedmaier (1997) dengan petunjuk seperti di Jadual 1.

Jadual 1. Tahap *Consensus*

Tinggi	QD kurang atau sama dengan .60
Sederhana	QD lebih dari .60 dan kurang dari 1.00
Tiada consensus	QD lebih dari 1.00

Sumber: Hsu dan Sandord (2007) dan Wiedmaier (1997)

Jadual 2 menyenaraikan tahap consensus tinggi dan tahap consensus sederhana.

Jadual 2. Item-item yang bertahap *consensus* tinggi dan sederhana

“Rank”	Pemboleh ubah	Median	QD
	Kesejahteraan Spiritual Islam (Ab. Rahim, 2019; Al-Ghazali, 1982)		
	Keimanan		
1	Saya percaya ALLAH mengetahui, melihat dan mendengar setiap apa yang saya rasa, fikir, lakukan dan ucapkan.	6	0
2	Kadang kala saya rasa ALLAH tidak peduli dengan masalah saya.	6	0
3	Saya percaya bilangan malaikat tidak terhitung banyaknya tetapi hanya 10 yang wajib saya ketahui.	6	0
4	Saya yakin ALLAH mengurniakan mukjizat kepada para nabi dan rasul untuk membezakan mereka dengan manusia biasa.	6	0
5	Saya percaya para nabi dan rasul mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi ALLAH.	6	0
6	Saya percaya sekalian manusia hidup penuh harmoni jika al- Quran dijadikan panduan hidup.	6	0
7	Saya percaya isi kandungan al-Quran kekal abadi tanpa sebarang penyelewengan.	6	0
8	Saya percaya ajaran al-Quran mesti diamalkan kerana ianya relevan sepanjang masa.	6	0
9	Saya percaya setiap ayat dalam al-Quran mempunyai khaifiyah/kelebihan tersendiri.	6	0
10	Saya berasa gerun apabila mendengar kisah kedahsyatan hari kiamat.	6	0
11	Saya percaya setiap amalan yang saya lakukan akan dihitung dengan adil di akhirat kelak.	6	0
12	Saya percaya kebahagiaan/kesengsaraan hidup di akhirat bergantung kepada kepatuhan manusia terhadap perintah ALLAH semasa hidup di dunia.	6	0
13	Saya mempunyai kemahiran praktikal yang bersesuaian dengan bidang yang saya pelajari	6	0
14	Saya percaya manusia dapat mengubah nasib diri dengan berusaha dan berdoa kepada ALLAH.	6	0
15	Saya percaya apa yang ditetapkan ALLAH adalah yang terbaik untuk manusia.	6	0
16	Saya percaya setiap musibah yang berlaku pasti ada hikmah dibaliknya.	6	0
	Ilmu Pengetahuan		
17	Ilmu adalah milik ALLAH yang mesti dikongsi bersama.	6	0
18	Masih banyak ilmu ALLAH yang belum diterokai oleh manusia.	6	0
19	Saya merasa lebih dekat dengan ALLAH apabila belajar pelbagai ilmu.	6	0
20	Saya dapat memperbaiki kelemahan diri setelah mempelajari sesuatu ilmu/perkara.	6	0
21	Saya berasa lebih matang apabila semakin banyak ilmu yang saya pelajari.	6	0
22	Saya sedar tentang tanggungjawab saya sebagai khalifah ALLAH di atas muka bumi ini menerusi ilmu-ilmu yang saya pelajari.	6	0
23	Saya berusaha mendapatkan ilmu daripada sumber yang sah dan tepat	6	0
24	Saya dapat melaksanakan ibadah seperti solat, puasa dan lain- lain dengan betul setelah mempelajarinya.	6	0
25	Saya sentiasa berusaha menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran.	6	0
26	Saya mampu membantu rakan yang mempunyai masalah dengan memberi pandangan berdasarkan ilmu yang saya ada.	6	0
27	Saya berkongsi ilmu dengan masyarakat menerusi pelbagai cara (cth; menerusi facebook, twitter, perbincangan dan lain- lain).	6	0
	Ibadah		
28	Saya tetap menunaikan solat fardhu walaupun dalam kesulitan (cth; sakit, musafir, terlalu sibuk).	6	0
29	Kadang kala saya berasa malas untuk menunaikan solat fardhu.	6	0
30	Saya berasa tenang dengan menunaikan solat.	6	0.125
31	Saya tetap berpuasa Ramadhan walaupun ketika sakit (cth; demam, gastrik, sakit perut, pening, lelah).	6	0.125
32	Kadang kala saya berasa malas untuk berpuasa Ramadhan.	6	0.125
33	Saya segera mengqadakan solat dan puasa yang tertinggal.	6	0.125
34	Saya mengamalkan ibadah-ibadah sunat seperti solat dan puasa sunat.	6	0.125

35	Saya membaca al-Quran setiap hari.	6	0.125
----	------------------------------------	---	-------

Jadual 2. Item-item yang bertahap *consensus* tinggi dan sederhana (sambungan)

“Rank”	Pemboleh ubah	Median	QD
	Ibadah		
36	Saya berasa tenang dengan membaca al-Quran.	6	0.125
37	Saya berusaha memahami isi kandungan al-Quran.	5.5	0.5
38	Saya banyak berzikir daripada berbual dengan rakan.	5.5	0.5
39	Saya berasa tenang apabila berzikir.	5.5	0.5
40	Saya berdoa memohon kebaikan hidup di dunia dan akhirat dengan bersungguh-sungguh.	5.5	0.5
41	Saya bersedekah mengikut kemampuan bukan untuk menunjuk-nunjuk.	5.5	0.5
42	Saya ikhlas dalam melakukan ibadah (cth; solat, puasa, sedekah).	5.5	0.5
43	Saya mengharapkan redha ALLAH ketika melakukan kebaikan.	5.5	0.5
44	Saya berasa dekat dengan ALLAH apabila melakukan ibadah / kebaikan.	5.5	0.5
45	Saya mengelak daripada melakukan keburukan / kejahatan kerana takutkan azab ALLAH.	5	0.625
	Akhlak	5	0.625
46	Saya mengelak daripada bercakap bohong walaupun ketika bergurau dengan rakan.	5	0.625
47	Saya mengakui kesilapan saya.	5	0.625
48	Saya menjaga baik rahsia rakan.	5	0.625
49	Saya menepati janji seperti datang awal atau tepat pada masanya setelah berjanji untuk bertemu dengan rakan.	5	0.625
50	Saya menghormati hak orang lain seperti tidak menggunakan alat tulis rakan tanpa meminta izinnya terlebih dahulu.	5	0.625
51	Saya malu untuk mendedahkan aurat (seperti memakai seluar pendek, baju ketat, tidak bertudung) apabila keluar dari rumah atau berhadapan dengan orang lain selain daripada ibu bapa dan adik beradik kandung.	5	0.625
52	Saya tidak kisah untuk melakukan perkara yang biasa orang lain lakukan (cth; melepak, bergosip, berkaraoke atau menonton/membaca/mendengar perkara lucu).	5	0.625
53	Saya tidak menghina atau mentertawakan orang lain (cth; tidak mentertawa rakan yang terjatuh tangga).	5	0.625
54	Saya tidak menceritakan keburukan seorang rakan kepada rakan yang lain.	5	0.625
55	Saya akan menyatakan kebenaran walaupun akan dimarahi orang lain.	5	0.625
56	Saya mampu mengawal kemarahan saya.	5	0.625
57	Saya meminta pertolongan kepada orang lain dengan baik seperti meminta tolong dengan nada suara yang baik.	5	0.625
58	Saya mengucapkan terima kasih apabila menerima kebaikan orang lain.	5	0.625
59	Saya dapat menerima kelebihan / kekurangan orang lain dengan baik (cth; berkawan dengan orang yang cacat fizikal / tidak dengki dengan rakan yang kaya).	5	0.625
60	Saya sentiasa membantu orang yang memerlukan bantuan.	5	0.625
61	Saya memberi kerjasama yang baik dalam menjaga kemudahan awam (cth; tidak membuang sampah merata-rata, tidak menconteng bangku atau pintu tandas awam).	5	0.625
62	Saya sentiasa memberi sumbangan sama ada wang, masa atau tenaga kepada yang memerlukan.	5	0.625
63	Saya berkongsi barang / makanan dengan rakan.	5	0.625
64	Saya hormat kepada semua orang tanpa mengira usia.	5	0.625
65	Saya bertegur sapa / mengucap salam apabila bertemu orang lain.	5	0.625
66	Saya tidak menganiaya atau menyakiti haiwan seperti menyepak/memukulnya.	5	0.625

Jadual 2. Item-item yang bertahap *consensus* tinggi dan sederhana (sambungan)

“Rank”	Pemboleh ubah	Median	QD
Tekad Keusahawanan (Kasim & Salleh, 2023; Ajzen, 1991)			
67	Saya lebih berminat bekerja sendiri dari bekerja dengan orang lain.	5	0.625
68	Saya dapati kerjaya sebagai usahawan amatlah menarik	5	0.625
69	Jika diberi peluang, saya ingin memulakan perniagaan sendiri	5	0.625
70	Jika saya mempunyai sumber-sumber kewangan/geran yang cukup, saya ingin memulakan perniagaan sendiri	5	0.625
71	Saya percaya memilih menjadi usahawan adalah satu kepuasan kepada saya.	5	0.625
72	Saya sentiasa menyokong idea untuk menjadi usahawan	5	0.625
73	Saya melihat ada universiti/institusi kemahiran yang menggalakkan pelajar secara aktif merebut peluang menjadi usahawan	4.5	0.625
74	Saya percaya memulakan perniagaan adalah mudah bagi saya.	4.5	0.625
75	Saya percaya mengekalkan perniagaan agar sentiasa berjaya adalah mudah bagi saya.	4.5	0.625
76	Saya percaya saya akan berjaya dalam memulakan perniagaan	4.5	0.625
77	Saya percaya saya mempunyai semangat yang diperlukan untuk memulakan perniagaan	4.5	0.625
78	Saya percaya saya mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk menjadi usahawan	4.5	0.625
79	Saya tidak mengambil risiko dalam perniagaan saya.	4.5	0.625
80	Saya lebih suka mengelak daripada mengambil risiko dalam perniagaan saya.	4.5	0.625
81	Saya kerap mengambil risiko dalam perniagaan.	4.5	0.625
82	Saya selalunya melihat risiko dalam perniagaan sebagai satu cabaran.	4.5	0.625
83	Saya melihat diri saya adalah seorang pengelak risiko	4.5	0.625
84	Saya melihat diri saya adalah seorang pengambil risiko	4.5	0.625

5. Kesimpulan

Adalah didapati bahawa tahap bagi item-item yang disenaraikan dalam kajian berada dalam keputusan sangat diperlukan. Namun, skala penilaian yang diberikan oleh ahli-ahli panel didapati berbeza. Bagi pusingan yang ketiga, tahap penilaian mendapat keputusan secara *consensus* atau sebulat suara di mana sejumlah lapan puluh empat (84) item menerima penilaian sangat diperlukan dan diperlukan. Keputusan panel pakar telah mempamerkan pecahan mengikut kategori tinggi, sederhana dan tidak mendapat *consensus*. Panel-panel pakar beranggapan KSI diperlukan bagi KSI yang memperlihatkan tahap keimanan, ilmu pengetahuan, ibadah dan akhlak. Oleh itu, KSI mendatangkan perasaan aman, tenang dan bahagia dalam menangani kesukaran hidup sebagai usahawan baharu. Situasi ini boleh diaplikasikan semasa mencari ilmu dan kemahiran, (seperti ilmu pengurusan kewangan); dan akhlak yang mulia (seperti menjauhi amalan pengurusan kewangan yang tidak baik). Konsep-konsep ini dapat memberikan motivasi, ketabahan, dan ketenangan dalam menghadapi tekanan dan cabaran perniagaan. Kesepaduan perspektif agama Islam merupakan inovasi penemuan baharu melalui model Al-Ghazali dan pandangan barat melalui Teori Tingkahlaku Berencana dan Model Kecenderungan Pengambilan Risiko yang kurang dikaji telah dilaksanakan dalam kajian ini.

6. Penghargaan

Projek penyelidikan ini dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan fundamental dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Kod Penyelidikan: FRGS/1/2020/SS0/UMK/01/1.

Rujukan

- Ab. Rahim, S. (2019). Indeks kesejahteraan spiritual Islam dalam kalangan remaja. (Unpublished doctoral dissertation, University Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia). Diakses dari <http://eprints.utm.my/id/eprint/92345/1/SakinahAbRahimPAHIBS2019.pdf.pdf>
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Al-Ghazālī, A. H. (2015). Ihyā ‘Ulūm al-Dīn. Jilid 3. Bab 13: berusaha mencari rezeki. (Terjemahan oleh M. Akhyar, S. Jasah). Kuala Lumpur: Pustaka Al Shafa, 1-66.
- Al-Ghazālī, A. H. (2017a). Ihyā ‘Ulūm al-Dīn. Jilid 1. Bab 2: pokok-pokok akidah. (Terjemahan oleh M. Akhyar, S. Jasah). Kuala Lumpur: Pustaka Al Shafa, 279-381
- Al-Ghazālī, A. H. (2017b). Ihyā ‘Ulūm al-Dīn. Jilid 4. Bab 22: latihan jiwa dan pemulihan penyakit hati. (Terjemahan oleh M. Akhyar, S. Jasah). Kuala Lumpur: Pustaka Al Shafa, 133-209.
- Al-Quran: English translation of the meanings and commentary (1410H), Madinah: King Fahd Holdy Quran Printing Complex.
- Basri, F., & Abdul Rahim, K. (2019). The influence of entrepreneurial education on entrepreneurial intention among undergraduate students in Malaysia. *Journal of Entrepreneurship Education*, 22(6), 1-9.
- Ghazali, Z., & Razak, D. A. (2019). Entrepreneurial intention among undergraduate business students in Malaysia. *International Journal of Business and Society*, 20(3), 1117-1136.
- Global Entrepreneurship Monitor. (2017). GEM Malaysia 2017 Report. diakses pada 2 Ogos 2022. <https://www.gemconsortium.org/economy-profiles/malaysia-86>
- Green, B., Jones, M., Hughes, D., & Williams, A. (1999). Applying the Delphi technique in a study of GPs' information requirements. *Health and Social Care in the Community*, 7(3), 198-205. <https://doi.org/10.1046/j.1365-2524.1999.00176.x>
- Hisam, N.S.M., & Othman, N., (2018), Persepsi terhadap risiko dan kecenderungan pengambilan risiko dalam kalangan pelajar Politeknik aktif pendidikan keusahawanan. Prosiding di 1st International Conference on Humanities, Education and Society, Johor, Malaysia, 221-233.
- Hsu, C., & Sandford, B.A., (2007). The Delphi Technique: Making Sense of Consensus. *Practical Assessment, Research and Evaluation*. 12 (10). Retrieved on 9 September 2022, <https://doi.org/10.7275/pdz9-th90>
- Jalaludin, D., & Mohamad, M. H. (2019). Entrepreneurial intention among Malaysian university students. *International Journal of Entrepreneurship*, 23(3), 1-11.
- Jung, K.B, Kang, S-W & Choi, S.B. (2020). “Empowering Leadership, Risk-Taking Behavior, and Employees’ Commitment to Organizational Change: The Mediated Moderating Role of Task Complexity” *Journal of Sustainability*, 2020, 12(6), 2340; <https://doi.org/10.3390/su12062340>.
- Kasim, R. S. R., & Salleh, N. A. (2023). Pembangunan Item Model Insaniah Generasi Muda Berisiko Di Malaysia: Item Development for Insaniah Model for At-Risk Youth in Malaysia. *AL-MAQĀSĪD The International Journal of Maqāsid Studies and Advanced Islamic Research*, 4(1), 1–14. <https://doi.org/10.55265/almaqasid.v4i1.49>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Laporan kajian pengesanan graduan kolej vokasional, Retrieved on June 9, 2022, <https://anyflip.com/urbhe/txua/basic>
- Kementerian Pengajian Tinggi (2021a). Laporan kajian pengesanan graduan kebolehpasaran graduan 2020 semasa krisis COVID-19, Retrieved on June 9,

- 2022, <https://great.mohe.gov.my/penerbitan/LAPORAN%20KAJIAN%20PENGESANAN%20GRADUAN%202020.pdf>
- Kementerian Pengajian Tinggi (2021b), Laporan kajian pengesanan graduan TVET. Retrieved on June 9, 2022, <https://great.mohe.gov.my/penerbitan/LAPORAN%20KAJIAN%20PENGESANAN%20GRADUAN%20TVET%202020.pdf>
- Linstone, H. A., & Turoff, M. (1975). *The delphi method*. Addison-Wesley Reading, MA. <https://doi.org/10.2307/3150755>
- Maheshwari, G., Kha, K. L., & Arokiasamy, A. R. A. (2022). Factors affecting students' entrepreneurial intentions: a systematic review (2005–2022) for future directions in theory and practice. *Management Review Quarterly*, 1-68.
- Mohamad, M. H., Ismail, N. A., Mohd Zin, M. M., & Yusoff, R. M. (2019). The relationship between Islamic spirituality and entrepreneurial intention among Muslim students in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*, 10(1), 164-178.
- Mohamad, N. A., & Nordin, N. (2019). Risk-Taking Propensity, Entrepreneurship Orientation, and Business Performance: An Exploratory Study of Malaysian SMEs. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(4), 24-31.
- Mohd Asri Feair & Ahmad Esa. (2012). Penerapan Kemahiran Keusahawanan Menerusi Kokurikulum Badminton Dalam Kalangan Pelajar UTHM. Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2.
- Mohd Asri Feair & Ahmad Esa. (2012). Penerapan Kemahiran Keusahawanan Menerusi Kokurikulum Badminton Dalam Kalangan Pelajar UTHM. Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2.
- Salleh, S., & Kasim, R.S.R. (2021). Developing Insaniah Model of the at-Risk Youth into Agripreneur in Selected Vocational Colleges in Malaysia: A Systematic Literature Review. *FKP Postgraduate Research Colloquium 2021*, e-ISBN 978-967-25774-0-9, 493-499
- Sani, M.A.M., Idid, S.A.S.A, Nor, M.R.M., & Mokhtar, A. (2019). Kesejahteraan Spiritual Dalam Kalangan Pelajar Islam Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *Journal of Islam in Asia*, 16(2), 110-125.
- Stewart, J., O'Halloran, C., Harrigan, P., Spencer, J. A., et al. (1999). Identifying appropriate tasks for the preregistration year: Modified Delphi Techniques. *British Medical Journal*, 319 (7204), 224-229. Retrieved on 9 October 2022, https://www.researchgate.net/publication/12882623_Identifying_appropriate_tasks_for_the_preregistration_year_Modified_Delphi_technique
- Tengku Abdullah, T. A., & Mohd Shariff, M. N. (2020). The Challenges and Success Factors of Young Entrepreneurs in Malaysia: A Literature Review. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 4(10), 1-10.
- Wiedmaier, C.D. (1997). Database competencies perceived as necessary for entry-level employment and employment advancement. Unpublished doctoral dissertation, University of Missouri-Columbia. *Dissertation Abstracts International* 59(7), 2316A (UMI No. 9841192)
- Woodcock, T., Adeleke, Y., Goeschel, C. Pronovost, P., dan Dixon-Woods, M., (2020). A modified Delphi study to identify the features of high quality measurement plans for healthcare improvement projects. *BMC Med Res Methodol* 20, 8. Retrieved on 9 September 2022, <https://doi.org/10.1186/s12874-019-0886-6>